

U. 8134 AAS  
MAHATHIR - BIDAS 2'2'2

SUBANG, 8 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS MAKIL-MAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL YANG KINI BEKERJASAMA DENGAN PEMBANGKANG SEMATA-MATA KERANA KEPENTINGAN PERIBADI.

KATANYA, PERBUATAN MEREKA ITU MENGECEWAKAN RAKYAT YANG MEMILIH MEREKA DAHULU BUKAN KERANA DIRI MEREKA SENDIRI TETAPI KERANA PERJUANGAN BARISAN NASIONAL.

DAHULU MEREKA MENCACI PEMBANGKANG DENGAN BERNACAM-MACAM CACIAN TETAPI SEKARANG BEKERJASAMA DENGAN PEMBANGKANG SEMATA-MATA KERANA TIDAK MENDAPAT JAJATAN ATAU TEMPAT YANG MEREKA KEHENDAKI. KATANYA PADA PERHIMPUNAN RAKSASA DI TERMINAL DUA LAPANGAN TERBANGAN ANTARABANGSA DI SINI BAGI MENYAMBUK KEPULANGAN BELIAU SELEPAS LANATAN TIGA HINGGU KE LUAR NEGERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MAKIL-MAKIL RAKYAT BERKENAAN +TIDAK BOLEH SEMENANG-MEMANGNYA MEMBELAKANGKAN JANJI KITA KERANA IA MEMBUAT RAKYAT TIDAK PERCAYA DAN APABILA RAKYAT TIDAK PERCAYA, PENTADBIRAN NEGARA AKAN MENJADI KUCAR-KACIR.+

OLEH SEBAB ITU, TEGASNYA, MEREKA YANG DIPILIH ATAS TIKET BARISAN NASIONAL HESTI TERUS MENSEKALKAN SOKONGAN MEREKA KEPADA PARTI YANG HERINTAH DEMI KESTABILAN POLITIK. -- LAGI

1930HST 08 10 88

0314

U. 8133 AAS  
MAHATHIR - BIDAS 2 SUBANG

PERDANA MENTERI BERKATA KESTABILAN POLITIK ADALAH PENTING BUKAN SAHAJA UNTUK KEMAJUAN NEGARA TETAPI JUGA UNTUK MENARIK PARA PELABUR ASING.

OLEH SEBAB KEYAKINAN PARA PELABUR ASING TERHADAP KESTABILAN POLITIK NEGARA INI, JUMLAH PELABURAN TELAH MENINGKAT LAPAN KALI GANDA DALAM TEMPON ENAM BULAN PERTAMA TAHUN INI BERBANDING DENGAN TEMPON YANG SAMA TAHUN LEPAS, KATANYA.

KATANYA, PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA JUGA TELAH MENINGKAT SEBANYAK SEMBILAN PERATUS, +SATU KEJAYAAN YANG AMAT BESAR+ BERBANDING DENGAN SESETENGAH NEGARA MAJU DI EROPAH YANG MENCATAT PERTUMBUHAN SATU SETENGAH PERATUS.

+KALAU KEADAAN POLITIK TIDAK STABIL, KITA TIDAK AKAN DAPAT MENARIK PELABURAN MEREKA (PELABUR ASING),+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PEMSERUSI BARISAN NASIONAL MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA BARISAN NASIONAL KINI BERPECAH-BELAH SEMATA-MATA KERANA TERDAPAT SESUATU MASALAH. -- LAGI

1932HST 08 10 88

0320

U 8140 AAB  
MAHATHIR - SIDAS 3 SUBANG

KATANYA, BELIAU TIDAK NAMPAK SEBARANG PERPECAHAN SAMBIL  
MENYIFATKAN BAHAWA MASALAH TERDAPAT DALAM MANA-MANA PARTI POLITIK  
TERMASUK PARTI YANG MEMAKILI SATU KAUM SAHAJA.

+MASALAH YANG KECIL INI KITA AKAN SELESAIKAN SESAMA KITA,+  
KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG PENTING IALAH SEMUA PIHAK KEKAL  
MENYOKONG BARISAN NASIONAL BAGI MENJAMIN PENTADBIRAN NEGARA BERJALAN  
DENGAN LAJUR.

MEMURUTNYA, ATAS KEYAKINAN INILAH BELIAU MELAKUKAN LANJUTAN KE  
LUAR NEGERI DENGAN +RASA SENANG HATI+ KERANA MENGETAHUI BAHAWA  
SEPERINGGALAMNYA NEGARA AKAN BERADA DALAM KEADAAN SELAMAT DAN AMAN.

TAMBAHAN PULA, KATANYA, BELIAU MENPUNYAI KEYAKINAN TERHADAP  
+PENYOKONG YANG TINGGAL+ YANG DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI  
ENCIK SHAFAR BABA PADA PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN MENTERI-MENTERI  
BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI PADA PERINGKAT NEGERI YANG KESEMUAANYA  
MENPUNYAI KEHAMPUAN UNTUK MEMERINTAH NEGARA DALAM KEADAAN AMAN DAN  
DAMAI. -- LAGI

1943MST 08 10 88

0324

U 8142 AAB  
MAHATHIR - SIDAS 4 SUBANG

BELIAU SENDIRI KERANA HASIL LANJUTANNYA KE LUAR NEGERI, RAMAI  
PEMIMPIN LUAR MENGIKHTIRAF MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU  
DAN MAMPU DITADBIRKAN OLEH RAKYATNYA SENDIRI TANPA BANTUAN MANA-MANA  
PIHAK.

BELIAU MENJELASKAN KEPADA PEMIMPIN DAN MEDIA LUAR NEGERI BAHAWA  
MALAUPUN MALAYSIA MENPUNYAI PENDUDUK BERBILANG BANGSA DAN KEBUDAYAAN  
TETAPI RAKYATNYA HIDUP AMAN DAN DAMAI, KATANYA SAMBIL DISAMBU  
DENGAN LAUNGAN +MAHATHIR NIRA+.

+BERAPA BANYAK NEGARA YANG ADA KOMPOSISI KAUM SEPERTI DI  
MALAYSIA YANG MEMCAPI KEJAYAAN SEPERTI YANG TELAH DICAPAI OLEH  
KITA,+ TANYA PERDANA MENTERI YANG TIDAK MENJANGKA KEPULANGANNYA  
DISAMBU SEBESITU MERIAH.

+MAMANG BANYAK NEGARA YANG MAJU, TETAPI RAKYAT MEREKA TERDIRI  
DARIPADA SATU KAUM SAHAJA DAN TIDAK ADA KEBUDAYAAN ATAU BAHASA YANG  
BERBEZA-BEZA, YANG DENGAN ITU MEMUDAHKAN MEREKA MEMBANGUNKAN NEGARA  
MAMING-MAMING.

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD  
TAIB BERKATA PERHIMPUNAN ITU BUKANLAH BERERTI UNTUK  
MENGASUNG-ASUNGKAN DATUK SERI DR MAHATHIR, TETAPI SEBAGAI MERAIKAN  
SEORANG PEMIMPIN NEGARA YANG BANYAK BERJASA DAN BERUSAHA MEMBANTU  
MEMAJUKAN NEGARA. -- LAGI

1951MST 08 10 88

U 8143 AAB  
MAHATHIR - BIDAS 3 SUBANS

BELIAU BERKATA PERDANA MENTERI MELAWAT NEGARA-NEGARA LUAR ITU KERANA NAMA NEGARA INI DIKENALI DI SELURUH DUNIA DAN MAJU DARIPADA SESI EKONOMINYA.

LAWATAN PERDANA MENTERI SELAMA TIGA MINGGU MULAI 17 SEPT LEPAS BANYAK MENGUBAH INEJ NEGARA PADA MATA DUNIA DAN TELAH DAPAT MENPERBETULKAN BEBERAPA HAL YANG TELAH DITOHMAHKAN OLEH NEGARA-NEGARA LUAR, KATANYA.

DATUK MUHAMMAD JUSA BERKATA EKORAN DASAR-DASAR YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG, MALAYSIA MENGALAMI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG CEMERLANG.

YANG TURUT BERADA PADA MAJLIS ITU TERMASUK MENTERI BESAR PERAK DATUK SERI RAHLI NGAH TALIB, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DATUK HAJI MOHD ISA DATUK HAJI ABDUL SAHAD, MENTERI BESAR KELANTAN DATUK MOHAMAD YAACOB, MENTERI BESAR PAHANG DATUK SERI KHALIL YAAKOB, MENTERI BESAR KEDAH DATUK PADUKA OSMAN AROFF DAN KETUA MENTERI MELAKA DATUK SERI RAHIM TAMBY CHIK, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA DATUK DR LIM KHENG YAIK, MENTERI BURUH ENCIK LEE KIM SAI DAN MENTERI KERJARAYA DATUK S. SANY VELLU.

KIRA-KIRA 30,000 ORANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU YANG SEBAHAGIAN BESARNYA TERDIRI DARIPADA ANGGOTA UMNO DARI SELURUH NEGARA. -- BERNAMA  
2000MST 08 10 88